

Beri motivasi kepada pelajar SMK Abaka, eratkan hubungan dengan penduduk

Mahasiswa UMS tabur bakti

UM 20-06-2012 26

Oleh **ABDUL RASHID
ABDUL RAHMAN**
utusanabah@utusan.com.my

TAWAU 19 Jun - Tanggungjawab mahasiswa bukan sahaja di dalam kampus tetapi turut berperanan di kawasan luar bandar.

Menyedari hakikat itu, Kelab Pengurusan Kewangan dan Perbankan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Malaysia Sabah (UMS) melakukan tindakan proaktif dengan menganjurkan program mahasiswa bersama komuniti.

Program siri ketiga itu yang disertai 38 mahasiswa diadakan di Sekolah Menengah



JUMATRIATI



MOHD. ZAKI

Abaka Tawau dan Kampung Sungai Imam Tawau.

Pengarah Program berkenaan, Jumatriati Pasaddei berkata, program selama dua hari itu dibahagikan kepada dua pengisian iaitu motivasi bersama pelajar SMK Abaka, Tawau dan program ramah mes-



MAHASISWA UMS bersama pelajar SMK Abaka Tawau yang menyertai motivasi pada program bersama komuniti di Tawau, baru-baru ini.

ra bersama masyarakat Kampung Sungai Imam.

"Kita berasa amat bangga dapat berada di sini mencurahkan bakti kepada masyarakat terutamanya golongan generasi muda.

"Segala penat lelah dalam merencana program itu hilang selepas melihat kegembiraan dari raut wa-

jah setiap penduduk kampung dan pelajar yang sudi menerima kehadiran kami di sini," katanya di sini baru-baru ini.

Menurutnya, sambutan yang diterima pada hari pertama melalui program motivasi amat menggalakkan dengan kehadiran 60 pelajar tingkatan enam.

Tambahnya, program bersama masyarakat pada hari kedua dilakukan dengan pelbagai aktiviti seperti program anak angkat, sukaneka dan kenduri kampung.

Sementara itu, Ketua Aktiviti Program, Mohd. Zaki Abdullah berkata, semua aktiviti yang dijalankan dapat memberi manfaat kepada pe-

serta dan juga masyarakat kampung.

"Program motivasi telah memberi kesan kepada pelajar sekolah dan saya berharap mereka dapat mengekalkan semangat motivasi yang tinggi untuk melanjutkan pelajaran hingga ke menara gading," ujarnya.